

Headline	Cukai perkhidmatan sektor logistik diperinci		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	01 Apr 2024	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	140,000
Page No	29	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	414 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,777
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,330



Cukai perkhidmatan sektor logistik diperinci

Untuk bantu kurangkan kesan langsung kepada kos sara hidup rakyat

KUALA LUMPUR

Kementerian Kewangan (MoF) telah memperincikan skop pengecualian cukai perkhidmatan bagi sektor logistik untuk membantu mengurangkan kesan langsung kepada kos sara hidup rakyat serta insiden cukai berganda.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, pengecualian cukai bagi sektor logistik dan penyenggaraan itu akan juga membantu memastikan sektor perkhidmatan negara terus berdaya saing.

“Bagi terus memelihara daya saing negara, kerajaan juga tidak akan mengenakan cukai perkhidmatan di

kawasan zon bebas cukai,” katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Untuk mengurangkan lagi impak kepada operasi harian aktiviti logistik, dan secara tidak langsung kepada pengguna, kerajaan bersetuju pemindaan dibuat kepada Kumpulan J: Perkhidmatan Logistik dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.

“Butiran 1(a) berkenaan perkhidmatan logistik dan Butiran 1(b) berkenaan perkhidmatan penghantaran atau pengedaran atau pengangkutan barang digabungkan sebagai satu butiran.

“Melalui penggabungan ini, skop kemudahan pengecualian antara perniagaan (B2B) telah diluaskan iaitu penyedia perkhidmatan logistik yang berada dalam Butiran 1(a) kini layak mendapat pengecualian yang lebih luas dengan tidak lagi perlu membayar cukai perkhidmatan ke atas

perolehan perkhidmatan penghantaran atau pengedaran atau pengangkutan

tan barang yang sebelum ini berada di bawah Butiran 1(b),” katanya.

Sebelum ini, penyedia perkhidmatan logistik yang berada dalam Butiran 1(a) hanya layak mendapat pengecualian cukai ke atas perolehan perkhidmatan yang berada dalam Butiran 1(a) yang sama.

Kementerian Kewangan berkata, semua perkhidmatan di bawah Kumpulan J: Perkhidmatan logistik yang dibekalkan di dalam dan antara kawasan khas/kawasan ditetapkan atau di antara kawasan khas dengan kawasan ditetapkan atau sebaliknya tidak tertakluk kepada pengenaan cukai perkhidmatan kecuali perkhidmatan Ejen Kastam yang kekal dikenakan cukai tersebut

“Zon Perdagangan dan Perindustrian Bebas seperti Zon Bebas Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Barat di Selangor serta Pelabuhan Pasir Gudang di Johor akan memperoleh manfaat daripada pengecualian ini,” katanya. - *Bernama*

Headline	Cukai perkhidmatan sektor logistik diperinci		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	01 Apr 2024	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	140,000
Page No	29	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	414 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,777
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,330



PERCUKAIAN

Pengecualian cukai perkhidmatan bagi sektor logistik dapat membantu mengurangkan kesan langsung kepada kos sara hidup rakyat serta insiden cukai berganda.- *Gambar hiasan*